

Keberkesanan Program *Outbond* Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Pusat Bahasa University Al Al-Bayt Mafraq Jordan

Effectiveness of Outbound Programme for Students ff Bachelor in Arabic Language with Education, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) at The Language Centre of University Al Al-Bayt Mafraq Jordan

Saipolbarin Ramli¹, Muhammad Taufiq Abdul Ghani², Mohd Zawawi Awang Hamat³

| | | |
|-----------------|------------------|--------------------|
| Terima | Wasit | Muat Naik e-Jurnal |
| 02 OKTOBER 2019 | 05 NOVEMBER 2019 | 04 DISEMBER 2019 |

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keberkesanan Program Outbond yang telah dijalankan oleh Program Bahasa Arab Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Pusat Bahasa, Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan pada tarikh 8 November 2017 sehingga 8 Januari 2018. Program ini merupakan program outbond pertama dianjurkan oleh pihak program Bahasa Arab UPSI dengan melibatkan universiti awam di Jordan. Jumlah peserta yang terlibat pada peringkat awal adalah seramai 80 orang, walau bagaimanapun jumlah ini berkurangan kepada 12 orang sahaja disebabkan oleh faktor kewangan peserta. Dengan jumlah peserta yang kecil, program ini diteruskan dalam usaha untuk meningkatkan peluang pembelajaran dan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan dengan bahasa Arab di negara penutur. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan instrument temu bual dan soal selidik untuk mendapatkan data. Selain itu, kaedah analisis teks juga dilakukan untuk menyokong data temubual dan data soal selidik yang diperolehi. Analisis data dilakukan terhadap penulisan refleksi harian yang dilakukan oleh pelajar sepanjang program outbond ini berjalan. Data kajian mendapati program outbond yang dijalankan di Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt mampu untuk mengukuhkan penguasaan pelajar terhadap saiz kosa kata bahasa Arab dan seterusnya mempraktikkannya dalam kehidupan harian pelajar dengan penggunaan konteks penggunaan yang betul. Selain itu, program yang dijalankan ini juga dapat menggalakkan pelajar untuk menyertai aktiviti di peringkat global dan membina jaringan hubungan antarabangsa.

Kata kunci: Program outbond, Bahasa Arab, UPSI, Pusat Bahasa, University aL Al-Bayt

ABSTRACT

This study aims to analyze the effectiveness of the Outbound Programme conducted by Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Arabic Language Programme at aL Al-Bayt Mafraq Jordan Language Centre on 8th November, 2017 until 8th January, 2018. This programme was the first outbound programme organized by UPSI Arabic programme involving a public university in Jordan. The number of participants that took part in the initial phase was 80 people, however, this number had been reduced to only 12 people due to the participants' financial factors. With a small number of participants, this programme was

¹ Saipolbarin Ramli, Senior Arabic Language Lecturer, Faculty of Communication & Languages, University Pendidikan Sultan Idris, saipolbarin@fbk.upsi.edu.my

² Muhammad Taufiq Abdul Ghani, Arabic Language Lecturer, Faculty of Communication & Languages, University Pendidikan Sultan Idris, taufiq@fbk.upsi.edu.my

³ Mohd Zawawi Awang Hamat, Arabic Language Teacher, Centre for Languages and General Studies, University Pendidikan Sultan Idris, mohd.zawawi@pbmpu.upsi.edu.my

carried on in an effort to increase learning opportunities and to expose students with regard to Arabic language in the Arabic speaking countries. This qualitative study used an interview instrument and a questionnaire to collect data. Apart from that, a text analysis was also conducted to support the interview and questionnaire data obtained. The data analysis was performed on the daily reflections carried out by students during this outbound programme. The study data discovered that the outbound programme conducted at the Language Centre of aL Al-Bayt University was able to strengthen the students' proficiency in the Arabic language vocabulary size, and then practiced it in their daily lives using the correct contextual usage. In addition, this programme is also able to encourage students to participate in activities at the world level and build an international relationship network.

Keywords: *Outbound programme, Arabic Language, UPSI, Language Centre, University aL Al-Bayt*

Pengenalan

Penguasaan kosa kata dalam sesuatu bahasa merupakan faktor penting bagi penguasaan bahasa tersebut khususnya untuk golongan bukan penutur. Menyedari situasi ini, pihak program bahasa Arab UPSI telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan penguasaan saiz kosa kata dalam kalangan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan dengan melaksanakan program outbond di luar negara untuk satu tempoh waktu sebelum para pelajar bergraduasi. Pemilihan program outbond di luar negara adalah bertujuan untuk menggalakkan para pelajar menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam pertuturan seharian mereka. Keadaan ini tidak berlaku ketika berada di UPSI, kerana para pelajar terhad menggunakan bahasa Arab ketika berada di dalam kuliah dan ketika berurusan sesama pelajar. Kekangan suasana kampus dan struktur pengajian kursus universiti juga tidak menggalakkan penggunaan bahasa Arab sepenuhnya. Tidak dapat dinafikan untuk menguasai sesuatu bahasa, seseorang itu terlebih dahulu perlu menguasai saiz kosa kata dengan baik disebabkan oleh hubungan yang rapat antara keduanya (Aizan, Aspalila, Alobaisy, al-Rahmi & Norma, 2018; Razif et al., 2016). Selain itu, kemampuan berbahasa yang dimiliki oleh mana-mana individu turut bergantung kepada jumlah saiz kosa kata yang dikuasai olehnya. Perihal ini juga berlaku dalam proses pembelajaran bahasa para pelajar (Aizan et al., 2018). Terdapat pendapat sebahagian daripada sarjana silam yang merujuk kepada penguasaan terhadap sesuatu bahasa baharu bergantung kepada penguasaan saiz kata yang dimiliki seseorang. Ini kerana, untuk menguasai sesuatu disiplin ilmu yang baharu, perkara asas yang perlu dikuasai ialah aspek kosa kata tanpa menafikan kepentingan mempelajari aspek tatabahasa (Flower, 2000). Walau pun begitu, pembelajaran tatabahasa menjadi sukar tanpa penguasaan kosa kata yang baik (Schmitt, 2000). Ini kerana bahasa itu adalah kunci asas kepada penguasaan dalam mana-mana disiplin ilmu yang lain (Saipolbarin et al., 2018).

Maksud penguasaan saiz kosa kata dalam pembelajaran bahasa bukanlah sekadar penguasaan dari aspek kuantiti dan pemahaman makna kosa kata tersebut secara literal, tetapi juga mampu memahami fungsi kosa kata tersebut, mengaplikasikan dalam ayat yang betul serta menghuraikan perannya dalam cabang ilmu tersebut (Zainur Rijal & Rosni, 2018). Hastrup dan Henriksen (2000) pula menyatakan pengaplikasian pengetahuan kosa kata bukan dengan hanya memahami makna tunggalnya sahaja, tetapi juga mengetahui pembinaan sesuatu perkataan dari aspek ejaan, morfologi, sintaxis dan gaya bahasa perkataan tersebut. Manakala di peringkat universiti, pelajar perlu memiliki tiga kriteria penting dalam aspek penguasaan kosa kata iaitu faktor kecukupan dari segi jumlah, tahap kerelevanan kosa kata dengan bidang pengajian dan keupayaan menggunakan kata yang dikuasai (Tu'aimah, 2005; Sutarsyah, Nation & Kennedy, 1994). Dalam konteks bahasa Arab, Tu'aimah (1989)

menyatakan, menguasai kosa kata bermaksud pelajar mampu menyebut perkataan dengan sebutan yang betul, memahami maknanya dengan tepat mengikut kehendak ayat, mengetahui pola pecahan dan terbitannya serta mengetahui kaedah membina ayat lengkap menggunakan perkataan tersebut.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai institusi ulung pendidikan di negara ini mengorak selangkah lagi ke hadapan dengan mengadakan kerjasama akademik bersama universiti-universiti di Timur Tengah untuk memperkasakan lagi program pendidikan di UPSI khususnya Program Pendidikan Bahasa Arab. Pihak program bahasa Arab telah merancang penghantaran pelajar semester akhir untuk mengikuti kursus jangka masa pendek di negara-negara Arab sebelum bergraduasi. Dengan pelaksanaan program ini, diharapkan para pelajar dapat memperkasakan penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab di samping dapat memberi pendedahan terhadap persekitaran negara Arab sebenar. Untuk itu, bermula pada tahun 2012, sejumlah pelajar yang merupakan kohort kemasukan ketiga bagi program bahasa Arab UPSI telah dihantar untuk mengikuti kursus jangka masa pendek di Universiti Yaman. Kerjasama ini diteruskan lagi pada tahun 2013 dengan penghantaran pelajar kohort keempat di Universiti Yaman. Pada tahun 2014 penghantaran pelajar ke Universiti Yaman terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh pergolakan politik yang berlaku di Yaman. Untuk itu, kohort pelajar yang seterusnya di hantar untuk mengikuti kursus jangka masa pendek di Universiti Sultan Qabos seramai 8 orang dan *University College of Ulum Syariah* seramai 7 orang di Oman. Pada tahun 2015, semua pelajar perempuan dihantar untuk mengikuti program outbond di kedua-dua universiti di Oman, manakala pelajar lelaki dihantar ke Universiti Darus Salam, Gontor Indonesia. Program outbond pelajar ditangguhkan pada tahun 2016 disebabkan oleh beberapa faktor dalaman yang tidak dapat dielakkan.

Pada tahun 2017, merujuk kepada minit Mesyuarat JK Perancangan Akademik Universiti kali ke-146 bil.3/2017 bertarikh pada 29 Mac 2017, pihak UPSI telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada pihak program bahasa Arab untuk menjalankan program outbond dengan kerjasama A&A Consult (M) Sdn Bhd di Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan. Para pelajar yang terlibat akan mengikuti program yang telah disusun oleh pihak Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan selama dua bulan. Program outbond yang dijalankan oleh pihak program bahasa Arab merupakan antara program peringkat antarabangsa pihak universiti dalam hasrat untuk melahirkan para graduan UPSI yang berkualiti dalam bidang akademik dan akhlak. Program ini adalah inisiatif dari pihak program bahasa Arab dalam usaha untuk memastikan para pelajar yang mengikuti program bahasa Arab di UPSI dapat didedahkan dengan persekitaran pembelajaran dan kehidupan masyarakat Arab di negara Arab.

Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan telah dipilih sebagai tempat untuk mengikuti kursus jangka masa pendek ini. Faktor pemilihan ini adalah disebabkan oleh Jordan adalah antara negara Arab yang masih lagi mengekalkan percakapan bahasa Arab standard sekitar 80% berbanding dengan negara-negara Arab yang lain. Selain itu, sistem urus tadbir pihak universiti di Jordan adalah lebih sistematik berbanding dengan negara-negara Arab yang lain di samping kualiti pendidikan tinggi universiti di negara Jordan yang tinggi. Faktor lain pemilihan universiti di negara Jordan bagi tujuan program outbond ini adalah kerana faktor sosio-politik negara Jordan yang stabil dan selamat berbanding dengan negara Arab lain. Disebabkan faktor-faktor yang telah disenaraikan di atas, seramai 12 orang pelajar telah dihantar untuk mengikuti program outbond ini bertarikh pada 8 November 2017 sehingga 8 Januari 2018 dengan kos perbelanjaan sebanyak RM8000.00 untuk setiap pelajar. Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan semua pelajar yang mengikuti program

ini telah selamat pulang ke UPSI dan sedang mengikuti semester terakhir mereka (A172) di UPSI. Dengan skala kewangan yang besar untuk program ini, sewajarnya program ini dapat memberi impak positif sama ada untuk pihak penganjur (UPSI dan A&A Consult (M) Sdn Bhd) atau pun pihak pelajar itu sendiri.

Objektif

1. Mengetahui jangkaan pelajar dan ibubapa/penjaga terhadap program outbond.
2. Menilai kesesuaian sukatan dan aktiviti yang digunakan dalam program outbond.
3. Membandingkan tahap penguasaan saiz kosa kata pelajar terhadap bahasa Arab selepas dan sebelum mengikuti program outbond ini.
4. Mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk program outbond pada masa hadapan.

Metodologi Kajian

Menurut Syed Arabi Idid (1992), metode yang sesuai digunakan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan ialah metode analisis wacana (discourse analysis). Kajian yang berkaitan dengan bahasa dan linguistik merupakan antara cabang disiplin ilmu dalam bidang sains sosial. Oleh itu, dalam proses menyiapkan kajian ini, metode utama yang digunakan ialah metode soal selidik, temubual dan analisis teks. Soal selidik dan temubual diberikan kepada pelajar yang mengikuti program outbond sebelum mengikuti program outbond ini. Manakala sesi refleksi pula dilakukan terhadap pelajar selepas mengikuti program outbond ini. Selain itu, soal selidik dan temubual juga melibatkan pihak ibubapa/penjaga pelajar untuk mendapat maklumat berkaitan dengan jangkaan dan harapan terhadap program outbond yang dijalankan ini. Pandangan dari pihak ibubapa/penjaga adalah penting dalam kajian ini kerana ibubapa/penjaga yang terlibat secara langsung dalam membiayai perbelanjaan para pelajar dalam program outbond ini. Analisis teks pula menggunakan teknik analisis isi kandungan (*content analysis method*) yang melibatkan penulisan refleksi aktiviti harian pelajar. Analisis teks dilakukan terhadap refleksi harian yang telah dilakukan oleh pelajar selama tempoh mereka mengikuti program outbond. Untuk tujuan penulisan refleksi harian ini, setiap pelajar telah dipertanggungjawabkan untuk menulis refleksi harian berkaitan dengan aktiviti pembelajaran harian sepanjang berada di sana.

Dapatan Dan Perbincangan

Dapatan dalam kajian ini dibincangkan dalam tiga bentuk data iaitu jangkaan pelajar terhadap program outbond, jangkaan ibubapa/penjaga terhadap program outbond dan refleksi pelajar terhadap program outbond yang dijalankan. Perincian untuk setiap data adalah seperti berikut:

Jangkaan Pelajar Terhadap Program Outbond Di Jordan

Sebelum para pelajar mengikuti program outbond, satu temubual dilakukan melibatkan keseluruhan pelajar yang mengikuti program ini. Temubual ini penting untuk mengetahui tahap kesediaan para pelajar terhadap program outbond ini di samping untuk mengetahui harapan mereka terhadap program outbond ini. Melalui transkripsi temubual yang dijalankan,

rata-rata pelajar menunjukkan keterujaan mereka untuk mengikuti program outbond ke Jordan dan mereka merasakan sangat gembira kerana telah diberi peluang untuk mengikuti program seumpama ini.

“kami sangat gembira kerana telah diberi peluang untuk mengikuti program outbond pada kali ini sebagaimana yang pernah dianjurkan oleh pihak program pada senior bahasa Arab sebelum ini. Kami berazam untuk memanfaatkan peluang ini sepenuhnya bagi menimba ilmu sebanyak mungkin ketika berada di Pusat Bahasa di Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan”.

(temubual dengan pelajar 1., 30/10/2017)

Selain itu, menurut peserta yang terlibat, program outbond yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi ruang kepada pelajar untuk mempraktikkan segala ilmu yang mereka telah pelajari di UPSI ke peringkat lapangan secara total dan menjadikan suasana pembelajaran lebih bersifat autentik.

“Program outbond yang bakal dijalankan merupakan platform terbaik yang disediakan oleh pihak program untuk mempraktikkan segala ilmu khususnya berkaitan dengan bahasa Arab yang telah dipelajari di UPSI ke peringkat lapangan. Keadaan ini dapat menyediakan satu persekitaran pembelajaran bersifat sebenar dengan penutur asal bahasa Arab. Ini kerana selama belajar di UPSI, penggunaan bahasa Arab adalah terhad dalam kuliah sahaja.”

(temubual dengan pelajar 2., 30/10/2017)

Program outbond ini juga merupakan peluang pelajar untuk meningkatkan penguasaan terhadap bahasa Arab dengan suasana pembelajaran yang berbeza.

“...saya pernah berhasrat untuk menyambung pengajian di Timur Tengah selepas tamat persekolahan peringkat menengah. Saya juga telah mendapat tawaran untuk menyambung pengajian di sana, tetapi disebabkan oleh beberapa masalah, hasrat tersebut tidak tercapai. Alhamdulillah, dengan program outbond ini, umpama mimpi menjadi kenyataan dan saya berazam memanfaatkan peluang ini untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab saya sedia ada dengan suasana yang pasti sangat berbeza dengan kuliah di UPSI”.

(temubual dengan pelajar 7., 30/10/2017)

Jangkaan Ibubapa/penjaga Terhadap Program Outbond Di Jordan

Setelah kertas kerja konsep berkaitan dengan program ini mendapat kelulusan dari JK Perancangan Akademik Universiti, satu taklimat bersama dengan ibubapa/penjaga dijalankan bagi memberi gambaran yang jelas berkaitan dengan program outbond ini. Dalam sesi taklimat yang dijalankan, ibubapa/penjaga dimaklumkan berkaitan dengan keseluruhan program ini seperti struktur kurikulum yang digunakan, jumlah kos kewangan yang terlibat, fasiliti yang disediakan dan makluman berkaitan dengan hal ehwal keselamatan pelajar ketika berada di sana. Semasa sesi taklimat bersama ibubapa/penjaga dijalankan, sesi temubual turut dijalankan bagi mendapat response dari ibubapa/penjaga berkaitan dengan program outbond ini. Ibubapa/bapa penjaga yang ditemubual melahirkan perasaan gembira kerana anak jajaan mereka berpeluang untuk mengikuti program outbond ini.

“...syukur kepada Allah kerana anak saya diberi peluang untuk mengikuti program outbond di Jordan. Saya sangat gembira kerana peluang seperti ini tidak selalu akan datang. Terima kasih kepada pihak universiti kerana menganjurkan program seumpama ini”

(temubual dengan ibubapa/penjaga 5.,
4/11/2017)

Ibubapa/penjaga juga berharap dengan program ini akan dapat membantu untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, ini kerana para pelajar didedahkan dengan penutur asal bahasa Arab.

“...pakcik dahulu adalah lepasan dari universiti dari Timur Tengah dalam bidang syariah. Pakcik percaya dengan program seumpama ini, mampu meningkatkan penguasaan dan kepakaran pelajar dalam bidang bahasa Arab. Walaupun hanya tempoh dua bulan, tetapi pakcik percaya ia dapat memberi kesan positif terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar”.

(temubual dengan ibubapa/penjaga 10.,
4/11/2017)

Terdapat sebilangan dari ibubapa/penjaga yang menyatakan bahawa program seumpama ini perlu diteruskan di samping menjadikannya sebagai satu program tetap untuk program bahasa Arab UPSI. Ini kerana keperluan persaingan kebolehpasaran graduan dari UPSI dengan universiti tempatan/luar negara yang lain. Program outbond yang dijalankan ini merupakan keunikan yang boleh ditonjolkan untuk graduan bahasa Arab UPSI.

“...program seumpama ini perlu diteruskan pada tahun-tahun berikutnya bagi memberi kelainan dan kelebihan para graduan lepasan dari UPSI. Secara tidak langsung, pelajar yang belajar di UPSI mereka juga mempunyai pengalaman belajar diluar negara untuk satu tempoh masa tertentu”

(temubual dengan ibubapa/penjaga 12., 4/11/2017)

Walau bagaimanapun, untuk menjadikan program outbond ini dalam skala yang besar dengan memberi peluang kepada semua pelajar, pihak universiti dicadangkan untuk menyediakan peruntukan kewangan khas, sama ada dalam bentuk aktiviti pelajar atau dalam bentuk tabung amanah program.

“...perbelanjaan yang agak besar untuk program outbond ini menyebabkan hanya sebilangan kecil pelajar sahaja yang berkemampuan untuk mengikutinya. Pihak universiti perlu membantu pelajar dengan menyediakan peruntukan kewangan bagi mengurangkan bebanan kos yang terpaksa ditanggung oleh pelajar. Program seperti ini bukan sahaja untuk kebaikan pada pihak pelajar, tetapi dalam waktu yang sama dapat meningkatkan nama universiti”

(temubual dengan ibubapa/penjaga 8., 4/11/2017)

Refleksi Program Outbond di Pusat Bahasa Universiti Al aL-Bayt Mafraq Jordan

Refleksi keberkesanan program outbond terhadap pelajar dilakukan melalui dua cara. Cara pertama adalah melalui analisis teks yang dilakukan terhadap refleksi aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar ketika mereka mengikuti program outbond ini. Cara kedua pula adalah dalam slot sesi refleksi yang dilakukan bersama-sama pelajar dan para pensyarah yang telah dianjurkan oleh pihak program bahasa Arab UPSI. Berikut adalah dapatan analisis teks yang diperolehi melalui catatan refleksi pelajar:

- i. Struktur kurikulum yang digunakan ialah struktur kursus yang sedia ada di Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan iaitu sukatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk bukan penutur (*Dalil al-Markaz al-Lughat li Natiqin bi Ghairiha*). Struktur kursus ini mampu untuk membantu pelajar bagi meningkatkan penguasaan saiz kosa kata dalam bahasa Arab. Struktur kursus yang digunakan merangkumi empat kemahiran berbahasa dengan memberi penekanan kepada kemahiran bertutur. Manakala, jadual waktu yang diperuntukkan untuk kursus outbond ini ialah selama empat jam sehari (Isnin-Khamis).
- ii. Semua peserta yang mengikuti program outbond ini telah berjaya memperolehi sijil dari Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan. Sijil ini hanya dikeluarkan kepada para pelajar yang mengikuti pengajian di Pusat Bahasa dan berjaya dalam peperiksaan khas yang dijalankan.
- iii. Para pelajar juga didedahkan dengan aktiviti tambahan yang dapat membantu penggunaan bahasa Arab seharian seperti *mustami'* subjek-subjek dari kuliah syariah, muamalat seharian seperti suasana di pasar basah, suasana di pasar kering, pejabat pos dan sebagainya. Selama menjalani program outbond ini, para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti pengajian secara *talaqi* yang dikendalikan oleh ulama setempat di masjid-masjid yang berhampiran.
- iv. Para pelajar juga berpeluang untuk berinteraksi dengan buku-buku dalam bidang bahasa Arab secara total sama ada dengan cara mendapatkannya di perpustakaan universiti atau pun membelinya di kedai-kedai buku di sana.
- v. Para pelajar berpeluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial peringkat antarabangsa iaitu pelajar telah berjaya melaksanakan aktiviti sukarelawan di pusat perkhemahan pelarian Syria di Kem Pelarian Syria-Mafraq Jordan dengan kerjasama Persatuan Pelajar Malaysia Universiti aL Al-Bayt (PRISMA) dan pihak Atase Pendidikan Kedutaan Besar Malaysia-Jordan. Sijil misi kemanusiaan telah dikeluarkan oleh pihak Kedutaan Besar Malaysia kepada semua pelajar yang mengikuti misi kemanusiaan ini. Ia merupakan nilai tambah (*mycats*) penglibatan pelajar untuk aktiviti peringkat antarabangsa.

Selain itu, soal selidik juga dilakukan kepada pelajar selepas mereka mengikuti program outbond ini untuk mengetahui keberkesanan program yang telah dijalankan. Analisis keperluan ini dinyatakan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Tahap Penguasaan Guru Pelatih Terhadap Kompenan Bahasa Arab Sebelum Mengikuti Program Outbond

| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-----------------------|---|---|---|---|----|
| 1 Bidang Leksikal | | | | 8 | 4 |
| 2 Bidang Morfologi | | | 1 | 9 | 2 |
| 3 Bidang Sisteksis | | | 3 | 7 | 2 |
| 4 Kemahiran Membaca | | | | | 12 |
| 5 Kemahiran Menulis | | | | 2 | 10 |
| 6 Kemahiran Mendengar | | | 1 | 8 | 3 |
| 7 Kemahiran Bertutur | | | 3 | 7 | 2 |

Skala: 5 untuk sangat baik, skala 4 untuk baik, skala 3 untuk sederhana, skala 2 untuk lemah dan skala 1 untuk sangat lemah.

Jadual 2: Tahap Penguasaan Guru Pelatih Terhadap Kompenan Bahasa Arab Selepas Mengikuti Program Outbond

| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-----------------------|---|---|---|---|----|
| 1 Bidang Leksikal | | | | 2 | 10 |
| 2 Bidang Morfologi | | | | 6 | 6 |
| 3 Bidang Sisteksis | | | | 8 | 4 |
| 4 Kemahiran Membaca | | | | | 12 |
| 5 Kemahiran Menulis | | | | | 12 |
| 6 Kemahiran Mendengar | | | | 2 | 10 |
| 7 Kemahiran Bertutur | | | | 3 | 9 |

Skala: 5 untuk sangat baik, skala 4 untuk baik, skala 3 untuk sederhana, skala 2 untuk lemah dan skala 1 untuk sangat lemah.

Jadual 1 menunjukkan data berkaitan dengan penguasaan pelajar dalam bidang bahasa Arab yang merangkumi bidang leksikal, morfologi dan sinteksis bahasa Arab serta penguasaan dalam empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran membaca, menulis mendengar dan bertutur. Data menunjukkan masalah penguasaan dalam bidang sinteksis dalam kalangan pelajar adalah tinggi dengan jumlah skala tiga orang berada pada aras sederhana, tujuh orang pada aras baik dan hanya dua orang berada pada aras amat baik. Selain itu, dari sudut kemahiran berbahasa pula, data menunjukkan pelajar menghadapi masalah dalam kemahiran bertutur dengan jumlah skala tiga orang pada aras sederhana, tujuh orang pada aras baik dan dua orang pada aras sangat baik. Perihal seperti ini sepatutnya tidak berlaku disebabkan oleh para pelajar telah mengikuti kursus-kursus major yang ditawarkan pada peringkat program di universiti sebelum ini. Melalui soal selidik yang diedarkan kepada kumpulan pelajar, antara faktor utama yang menyebabkan permasalahan ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor jumlah penguasaan saiz kosa kata yang kecil disebabkan oleh persekitaran bahasa Arab yang tidak menggalakkan untuk penggunaan bahasa Arab seharian secara total.

Jadual 2 pula menunjukkan data yang diperolehi selepas pelajar mengikuti program outbond di Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan. Secara keseluruhannya data menunjukkan terdapatnya peningkatan penguasaan pelajar dalam bidang sinteksis yang pada asalnya jumlah skala tiga orang berada pada aras sederhana, tujuh orang pada aras baik dan hanya dua orang sahaja berada pada aras amat baik telah meningkat kepada jumlah skala lapan orang pada aras baik dan empat orang pada aras sangat baik. Manakala untuk kemahiran bertutur, pada asalnya data menunjukkan jumlah skala tiga orang berada pada aras sederhana, tujuh orang pada aras baik dan hanya dua orang pada aras sangat baik. Jumlah ini telah meningkat selepas mengikuti program outbond dengan jumlah skala tiga orang pada aras baik dan sembilan orang pada aras sangat baik.

Selain itu, melalui sesi refleksi yang dilakukan bersama-sama pelajar yang mengikuti program outbond ini, para pelajar telah menunjukkan reaksi positif terhadap program ini walaupun terdapat beberapa aspek yang perlu di beri perhatian dan penambahbaikan seperti keadaan waktu kelas yang ada kala dibatalkan tanpa notis awal dari para peserta.

“...program outbond yang telah kami sertai ini telah memberi kesan positif terhadap penguasaan bahasa Arab. Kami dapat belajar di negara penutur asal bahasa Arab dan dapat menggunakan bahasa Arab ini secara keseluruhan dalam aktiviti seharian. Walaupun agak terkejut dengan budaya kerja orang Arab, seperti kelas dibatalkan tanpa sebarang notis awal, tetapi itu cuma masalah teknikal kecil yang boleh di atasi...”

(temubual dengan pelajar 9., 5/2/2018)

Program outbond ini juga telah dapat membina keyakinan diri pelajar untuk menggunakan bahasa Arab dalam aktiviti seharian mereka.

“...sebelum ini, di Malaysia kami merasa tidak yakin dan takut untuk bertutur dalam bahasa Arab kerana takut ditertawakan oleh rakan-rakan apabila melakukan kesilapan, tetapi sekarang kami rasa lebih berkeyakinan untuk menggunakan bahasa Arab dalam pertuturan harian. Diharapkan kami dapat terus menggunakan bahasa Arab ini di Malaysia...”

(temubual dengan pelajar 11., 5/2/2018)

Antara perkara yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan ialah aspek percampuran kelas dengan pelajar yang pelbagai aras penguasaan bahasa Arab. Terdapat pelajar sedia ada yang aras bahasa Arab mereka adalah rendah, sedangkan aras penguasaan bahasa Arab untuk pelajar yang mengikuti program outbond ini adalah aras yang tinggi. Ini kerana mereka merupakan pelajar tahun akhir semester pengajian di UPSI. Keadaan ini telah menimbulkan rungutan dari pelajar kerana mereka terpaksa mempelajari perkara asas dalam bahasa Arab. Menyedari permasalahan ini, pihak Pusat Bahasa telah mengambil langkah segera dengan menempatkan para pelajar outbond ini dalam kelas khas.

“...pada peringkat permulaan, kelas kami bersama-sama dengan kelas pelajar lain di pusat bahasa, keadaan ini amat tidak selesa kerana aras penguasaan bahasa Arab mereka adalah terlalu asas, sedangkan kami merupakan pelajar tahun akhir untuk program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab UPSI. Setelah cadangan dan makluman dilakukan kepada pusat bahasa, kami ditempatkan di kelas khas dan tidak bercampur dengan para pelajar lain...”

(temubual dengan pelajar 5., 5/2/2018)

Pelajar juga mencadangkan agar tempoh masa program outbond ini dapat dipanjangkan. Tempoh program outbond selama dua bulan merupakan tempoh yang singkat.

“...tempoh masa selama dua bulan sangat singkat. Kami perlu merancang dan menggunakan masa yang ada semasa di Jordan sepenuhnya. Setiap hari dipenuhi dengan jadual yang padat agar hari-hari semasa di Jordan di penuhi dengan aktiviti yang berfaedah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Baik sekiranya masa dipanjangkan, tetapi ia pasti memerlukan penambahan dari kos kewangan...”

(temubual dengan pelajar 10., 5/2/2018)

Untuk menjadikan program outbond lebih bersifat autentik kepada pelajar program bahasa Arab UPSI, slot latihan mengajar di sekolah Arab boleh dirancang dan dilaksanakan secara serentak. Ini kerana peserta program outbond ini baru selesai menjalani latihan mengajar selama 16 minggu di sekolah menengah yang mempunyai aliran bahasa Arab di Malaysia. Walaupun begitu, bagi merealisasikan hasrat ini, perancangan yang teliti diperlukan kerana ia akan melibatkan pihak lain selain dari Pusat Bahasa seperti pihak sekolah dan pihak kementerian pendidikan di sana.

“...slot latihan mengajar di sekolah-sekolah Arab yang melibatkan para peserta program outbond boleh juga dirancang dan dilaksanakan semasa tempoh program outbond ini dijalankan. Sekiranya slot latihan mengajar ini dilaksanakan, ia dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kebetulan pelajar baru sahaja selesai menjalani

program latihan mengajar di sekolah untuk tempoh selama 16 minggu di Malaysia, dan sekiranya slot latihan mengajar ini dijalankan di Jordan, ia merupakan kesinambungan kepada latihan mengajar yang telah dijalankan dan sangat bermakna kepada para peserta...”

(temubual dengan pelajar 4., 5/2/2018)

Secara keseluruhannya, data menunjukkan terdapatnya peningkatan terhadap penguasaan pelajar dalam bidang leksikal, morfologi dan sinteksis bahasa Arab. Data juga menunjukkan peningkatan penguasaan pelajar terhadap empat kemahiran berbahasa selepas menjalani program outbond ini.

Penutup

Kajian yang dijalankan ini telah dapat memberi data berkaitan dengan keberkesanan program outbond telah dijalan oleh pihak program bahasa Arab ke Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan. Dapatan kajian yang diperolehi telah dapat memberi gambaran yang jelas tentang keberkesanan program ini yang juga merangkumi aspek kekuatan yang perlu diteruskan dan kekurangan yang perlu diatasi pada masa hadapan. Selain itu, melalui kajian ini juga telah dapat memberi ruang kepada pihak program untuk merancang pelaksanaan program outbond ini pada masa hadapan sama ada untuk meneruskan jalinan hubungan antarabangsa dengan Pusat Bahasa Universiti aL Al-Bayt Mafraq Jordan atau mencari penempatan di negara-negara Arab lain yang lebih bersesuaian dengan mengambil perhatian kepada aspek manfaat program terhadap pelajar dan sumber kewangan yang diperlukan.

RUJUKAN

- Aizan Yaacob, Aspalila Shapii, Alobaisy Ayman Saad, Waleed Mugahed al-Rahmi & Norma Alias. (2018). Vocabulary learning strategies (VLSS) through secondary students at Saudi school in Malaysia (SSM): A pilot study. *International Education & Research Journal*, 4(2), 48-53.
- Flower, F. (2000). *Start built your vocabulary*. Hove: Language Teaching.
- Haastруп, K. & Henriksen, B. (2000). Vocabulary acquisition: Acquiring depth of knowledge through network building. *International Journal of Linguistics*, 10(2), 221-240.
- Saipolbarin Ramli, Nazri Atoh, Zarima Zakaria & M.Sidik Ariffin. (2018). Aplikasi Penggunaan Formula Pola Ayat Dalam Penulisan Teks Arab Dalam Kalangan Pelajar ISM (Bahasa Arab) Dengan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (5)1, 175-184.
- Schmitt, N. (2000). *Vocabulary in Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sutarsyah, C., Nation, P. & Kennedy, G. (1994). How Useful is EAP Vocabulary for ESP? A Corpus Based Case Study. *RELC Journal*, 25(2), 34-50.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tu'aimah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lu, al-Arabiyyah li Ghairi al-Natiqenabiha*. Ribath: ISISCO.
- Tu'aimah, Rushdi Ahmad. (2005). *Al-Kitāb al-Jāmi'iy, Mauqi'uh wa Ma'āyiruh wa Musykilātuh*. Cairo.

Zainur Rijal & Rosni Samah. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 08(2), 61-70.